



# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN  
KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN  
SELANGOR KALI KE 30  
(SESI 2015 – 2017)

Tarikh : 28 Mac 2017 (Selasa)  
Masa : 2.00 petang – 5.00 petang  
Tempat : Menara Yayasan Selangor  
Petaling Jaya, Selangor



## **ISI KANDUNGAN**

1. Kandungan
2. Notis Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 30
3. Agenda Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 30
4. Minit Mesyuarat Agung PKSKKYS Kali ke 29
5. Laporan Aktiviti 2016
  - Kedudukan Ahli Jawatankuasa PKSKKYS
  - Rekod Kehadiran Mesyuarat
  - Laporan Aktiviti PKSKKYS
6. Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
  - Laporan Pemeriksa Kira-kira
  - Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan
  - Lembaran Imbangan
  - Nota-nota Akaun
7. Pembentangan Usul dan Cadangan Pada Tahun 2017



# PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN & KEBUDAYAAN KAKITANGA YAYASAN SELANGOR

Emel: info@pkskkys.com Laman Web: <http://www.pkskkys.com>

Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor, No. 1  
Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7955 1212 Fax: 03-7954 1790

(18) PKS SKKYS/SU/SESI 2015-2017

10 Mac 2017

## Semua Ahli

Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Kebudayaan Kakitangan  
Yayasan Selangor

Tuan/Puan,

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE - 30

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor akan mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke 30 pada :-

**Tarikh** : 28 Mac 2017 (Selasa)  
**Masa** : 2.00 petang  
**Tempat** : Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

2. Sehubungan itu, semua ahli PKS SKKYS dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.

3. Bersama ini dilampirkan **Agenda Mesyuarat** dan **Borang Usul** untuk tindakan tuan/puan. Borang Usul hendaklah diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor sebelum **17 Mac 2017**.

Kehadiran tuan/puan di dalam program ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

" TEGUH, PRIHATIN DAN SAKSAMA "

Yang benar,

**NORLINDA NASRUDDIN**  
Setiausaha

s.k Pengurus Kanan Yayasan Selangor  
Yang Dipertua PKS SKKYS



## **AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE 30**

- 2.00 petang : Kehadiran dan Pendaftaran Ahli-ahli PKSKKYS
- 2.15 petang : Ketibaan Pengurus Kanan Yayasan Selangor
- 2.30 petang : Ucapan Aluan Yang Dipertua PKSKKYS
- : Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS kali Ke 30 oleh Pengurus Kanan Yayasan Selangor
- : Penyampaian Buku Latihan SPM, PT3 & UPSR
- : Pembentangan Program / Aktiviti PKSKKYS 2016
- 3.00 petang : Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS Kali Ke 30 dimulakan
- Membentangkan dan Menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS Kali Ke 29 pada 01 April 2016
  - Perkara – perkara Berbangkit
  - Membentangkan dan Menerima Laporan Aktiviti Tahunan PKSKKYS 2016
  - Membentangkan dan Menerima Penyaan Kewangan PKSKKYS Tahun Berakhir 31 Disember 2016
  - Pembubaran AJK PKSKKYS Sesi 2015 – 2017
  - Melantik Pengerusi Sementara
  - Pemilihan AJK PKSKKYS Sesi 2017 -2019
  - Pembentangan Usul
  - Ucapan Penangguhan
- 4.30 petang : Jamuan
- 5.00 petang : Tamat dan Bersurai

**MINIT MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN PKSCKYS KALI KE 29  
(01 APRIL 2016)**



## **MINIT MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE-29**

Tarikh : 01 April 2016 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Tingkat 16,  
Menara Yayasan Selangor,  
Petaling Jaya.

Kehadiran :

1. A Rahim Bin Abdullah
2. Abdul Halim Bin Abdul Hafiz
3. Ahmad Fauzani Bin Ismail
4. Ahmad Saidi Bin Hashim
5. Anisuriani Binti Abd Rahim
6. Anizan Binti Ibrahim
7. Anuar Bin Salleh
8. Daiyana Bt Kamarudin
9. Edzham Abdylah Bin Ednan
10. Fadhal Ilahi Bin Mohd Tahir
11. Fadhli Bin Hushni
12. Farah Ain Binti Roseli
13. Farizal Bin Idris
14. Hamida Bte Alimon
15. Haslina Binti Hashim
16. Husmaliza Binti Husin
17. Idrus Bin Mohamed Noor
18. Ishak Bin Ismail
19. Iynee Bt Yusoff
20. Jamilah Binti Desa
21. Johari Bin Zaiton
22. Kamaruddin Bin Mat Noh
23. Kamarul Bahrin Bin Moflah
24. Kamisah Bte Bujuke
25. Khairidawati Bt Abd Talib
26. Khairul Nizam Bin Abu Bakar
27. Khairuman Bin Abu Yamin
28. Mad Rodzi Bin Kasan
29. Mahadi Bin Mhd Tahil
30. Maimunah Bt Omar
31. Marwiyah Bt Saibani
32. Marziana Binti Mohd Rejab

33. Mazleyna Binti Kamis
34. Md Nordin Bin A Ghani
35. Mohamad Fauzi Bin Haji Ismail
36. Mohamad Harunarasid Bin Shariman
37. Mohamad Hazrani Bin Harun
38. Mohamad Salleh Bin Abdullah
39. Mohamad Zam Zam Bin Masturi
40. Mohd Ali B Ithnin
41. Mohd Azmi Bin Ariffin
42. Mohd Badri Bin Hassan Bosri
43. Mohd Fariz Bin Abd Aziz
44. Mohd Haffiz Bin Zainal Abidin
45. Mohd Mustakem Bin Roslan
46. Mohd Najahuddin Bin Miswan
47. Mohd Nazrin Bin Md Raji
48. Mohd Shafiq Bin Nor Hisham
49. Mohd Yazli Bin Kasmin
50. Muhamad Amin Bin Abdul Wahab
51. Muhamad Hakim Bin Zainuddin
52. Muhamad Nazri Bin Mustapa
53. Muhammad Hanafi Bin Mohd Kamal
54. Muhammad Nur Waafi Bin Badrudin
55. Murniza Binti Mohd Yunos
56. Muzaliha Binti Mohamad Yusoff
57. Naripah Bt Kusan
58. Nasharuddin Bin Baba
59. Nasruddin Bin Yusof
60. Nazrina Binti Bahari
61. Nilawati Bte Sairan
62. Noor Faradilla Binti Jasni
63. Noorenor Binti Shahromniza
64. Noorsylawati Bt Berahim
65. Nor Alhapis Bin Salehan
66. Nor Asiah Bt Daud
67. Nor Azrina Binti Abd Aziz
68. Nor Fazilah Binti Mamat
69. Nor Rizar Bt Che Husin
70. Nora Azlina Binti Abd Razak
71. Norafandi Bin Yaacob
72. Norehan Binti Abd Aziz
73. Norfazura Binti Jafri
74. Norhafizah Binti Badrun
75. Norhamidah Binti Abd Rahman
76. Norhayati Binti Mat
77. Norhisamshah Bin Kamaruddin
78. Norlinda Bt Nasruddin
79. Norzianawaty Bt Abd Rahman

80. Norzilawati Binti Mustapa
81. Nur Saufirah Binti Rozlee
82. Nur Shahila Bt Mohamed Shahibi
83. Nurul Ain Binti Muzammil
84. Nurul Fazliyana Binti Zaliani
85. Qhairawani Asyrani Binti Ruslan
86. Rahidah Bt Sarip
87. Raja Shahril Shah B. Raja Hashim
88. Rohani Binti Mat Tasir
89. Rohani Bte Mohamed Hashim
90. Roshidah Binti Abdul Malek
91. Rosmaria Hani Bte Maarof
92. Rosnani Binti Abdul Latib
93. Rumizah Bt Ramin
94. Rusnani Bt Razak
95. Sabariah Bte Abdul
96. Sawiah Binti Ab Jalil
97. Sazali Bin Hj Md Yaacob
98. Siti Balkish Binti Mohd Zin
99. Siti Hajar Binti Saharudin
100. Siti Nani Binti Sharif
101. Siti Nur Azzura Bt Hamdan Abdul Khalek
102. Siti Rohamiza Binti Zulkifli
103. Shahril Anaz Bin Mohd Puad
104. Suhaimi Bin Sulaiman
105. Suhairin Binti Mohd Zain
106. Suhanah Bt Mohd Saugi
107. Suraya Bte Abdul Wahab
108. Syaifuddin Bin Mohamed Razif
109. Syarol Khairi Bin Salleh
110. Ulfah Bt Md Noor
111. Wan Mohd Hafiz Bin Abdul Jalil
112. Wan Ruseli Bin Wan Yacob @ Wan Husain
113. Zahura Binti Zakry
114. Zaidi B Jaafar
115. Zainal Abidin Bin Warlan
116. Zaini B Sulaiman
117. Zainudin Bin Misran
118. Zainun Bt Mohamed
119. Zaleha Bt Abu Bakar
120. Zamzuri Bin Ja'afar
121. Zarina Bt Kamaruddin
122. Zaufit Bin Mohammed Isa
123. Zulkifli Bin Amat



## **1.0 UCAPAN PERASMIAN**

- 1.1 Puan Zahura Zakry, Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Operasi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pentadbir Persatuan yang berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan program yang berkualiti serta dapat disertai oleh ahli Persatuan.
- 1.2 Beliau menyarankan setiap ahli dapat bekerjasama dan bersatu hati dengan pengurusan Yayasan dalam melontarkan idea, pandangan dan tenaga bagi memastikan Persatuan dapat bergerak maju ke hadapan.
- 1.3 Selain itu, program dan aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan mengelakkan persengketaan sesama ahli.

## **2.0 UCAPAN ALUAN NAIB YANG DIPERTUA PKSKKYS**

- 2.1 Puan Nilawati bt. Sairan, Naib Yang Dipertua (NYDP) Persatuan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 2.2 NYDP merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Zahura bt Zakry, Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Operasi kerana telah merasmikan Mesyuarat Agung PKSKKYS kali ke 29 untuk diadakan pada hari ini.
- 2.3 NYDP merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan, Jawatankuasa Pentadbir dan ahli-ahli yang memberi komitmen, kerjasama dan terlibat dengan program yang dijalankan oleh pihak Persatuan.

## **3.0 UCAPAN Pengerusi MAJLIS**

- 3.1 Naib Yang Dipertua Persatuan selaku Pengerusi Mesyuarat Agung memulakan mesyuarat dengan mengalu-alukan kehadiran semua ahli dengan ucapan terima kasih.
- 3.2 NYDP menjelaskan Mesyuarat Agung kali ke 29 diadakan adalah untuk membentangkan Laporan Kewangan Tahun 2015 dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2016.
- 3.3 Beliau memaklumkan kehadiran semua ahli pada hari ini adalah seramai 123 orang.

## **4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PKSKKYS KALI KE 28 PADA 12 JUN 2015**

- 4.1 Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSKKYS Kali Ke-28 bertarikh 12 Jun 2015.
- 4.2 Mesyuarat menerima dengan pindaan kesilapan nama no. 85 YM Raja Shahril Shah Raja Hashim dan ketiadaan nama kehadiran Puan Anizan Ibrahim serta Puan Jamilah Desa. Mesyuarat menerima pindaan 7.2 berkaitan cadangan usul kuota pinjaman oleh En. Khairuman Abu Yamin dan disokong oleh Pn. Marwiyah Saibani.

- 4.3 Mesyuarat menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSCKYS Kali Ke-29 bertarikh 01 April 2016 selepas dicadangkan oleh Pn. Marwiyah bt. Saibani dan disokong oleh Pn. Rohani Mohamed Hashim.

## **5.0 PERKARA BERBANGKIT**

### **5.1 Pembelian *Enagic Kangen Water***

Pembelian *Enagic Kangen Water* tidak dapat dilaksanakan atas keputusan bersama Jawatankuasa Pentadbir dengan mengambil kira perkara berikut :-

- i. kos yang tinggi termasuk GST iaitu RM 15,000.00 ;
- ii. kos selenggara mesin yang tinggi ; dan
- iii. lokasi atau tempat yang sesuai dan selamat bagi menempatkan mesin untuk mengelakkan risiko kehilangan.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dan menerima keputusan di atas.

### **5.2 Kuota Pinjaman RM 2,000.00 ditambah 50 ahli setahun**

Kuota Pinjaman RM 2,000.00 telah ditambah dan dilaksanakan kepada 50 ahli setahun bermula Jun 2015 yang lalu.

### **5.3 Pemberian Tracksuit / Sweater kepada Pesara**

Mesyuarat sebulat suara bersetuju pemberian Sweater PKSCKYS / Yayasan Selangor kepada semua ahli yang telah bersara bermula Jun 2015 sehingga kini.

## **6.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN AKTIVITI PKSCKYS**

- 6.1 Setiausaha membentangkan Laporan Aktiviti PKSCKYS bagi Setengah Penggal Pertama Tahun 2016.
- 6.2 Mesyuarat dimaklumkan sepanjang Setengah Penggal Pertama 2016, Persatuan telah melaksanakan 12 program oleh setiap Biro Persatuan.
- 6.3 Biro Kebajikan dan AJK Persatuan telah mengadakan ziarah silaturahim kepada ahli yang sakit, uzur, kemalangan dan kelahiran cahaya mata untuk menunjukkan sikap keprihatinan sesama ahli Persatuan.
- 6.4 Biro Sukan telah menyertai perlawanan bolasepak di antara Yayasan dan PKNS di Stadium FAS, Kelana Jaya pada 28 Ogos 2015. Selain itu, Biro Sukan juga mengadakan pertandingan Sukan Dalam (Indoor Games) dengan acara yang disertai adalah Ping Pong, Karom, Congkak, Dart dan Batu Seremban pada 22 Oktober 2015 dan pertandingan akhir pada 29 Januari 2016.
- 6.5 Sempena 'Hari PKSCKYS Se-Yayasan' dengan tema "Eratkan Ukhuwah, Jalinkan Kemesraan" terdapat dua
- 6.6 Biro bekerjasama untuk menjayakan program ini iaitu Biro Agama dengan mengadakan Ceramah Agama bertajuk "Perkembangan Kerjaya di dalam Perspektif Islam" disampaikan oleh Ustaz Mohd Fauzan Mazlan.

- 6.7 Seterusnya program Masakan Kulinari – Bakeri dan Pastrri oleh Chef jemputan iaitu Chef Yuzilawati Yusof dengan dihadiri oleh 35 ahli wanita dengan 5 jenis masakan bakeri dan pastrri yang berbeza. Program ini dianjurkan oleh Biro Hal Ehwal Wanita.
- 6.8 Seterusnya, Biro Akademik memberi sumbangan tunai kepada anak ahli yang cemerlang, menunjukkan prestasi yang baik dalam akademik serta penyerahan buku latihan dan latih tubi pada 01 April 2016.
- 6.9 Biro Ekonomi menjana pendapatan Persatuan dengan menjual produk Biosinar, sewaan padang AYSKL dan menerima *matching grant* dari Yayasan Selangor.
- 6.10 Pn. Siti Nur Azzura Bt Hamdan Abdul Khalek mencadangkan laporan aktiviti dan program PKSKKYS bagi Setengah Penggal Pertama Tahun 2016 diterima dan disokong oleh Cik Noorenor Binti Shahromniza.

## **7.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015**

- 7.1 Laporan Penyata Kewangan PKSKKYS bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah dibentangkan oleh Bendahari Persatuan. Mesyuarat dimaklumkan kedudukan kewangan tahunan sehingga 31 Disember 2015, jumlah keseluruhan pendapatan bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM 103,857.77 termasuk *matching grant* dari Yayasan bernilai RM 48,780.00 dan sumbangan ahli Persatuan RM 24,470.00.
- 7.2 Mesyuarat dimaklumkan sebahagian besar dana Persatuan dibelanjakan untuk menampung Program Hari Raya Aidilfitri, suguhati persaraan, belanja sukan dan belanja mesyuarat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 122,676.13. Secara keseluruhannya, kurangan pendapatan atau rugi bersih bagi tahun 2015 adalah RM 18,818.36.
- 7.3 Berdasarkan Lembaran Imbangan 2015, Harta Semasa Bersih Persatuan menunjukkan nilai RM 625,423.21.00. Siberhutang bagi tahun 2015 menunjukkan penurunan dengan nilai RM 104,356.70 berbanding tahun 2014 dengan nilai RM 190,693.36. Sipiutang kekal dengan nilai RM 51,000.00 bagi kedua-dua tahun. Jumlah tunai di tangan dan bank adalah RM 572,066.51 bagi tahun 2015.
- 7.4 Pn. Anizan Ibrahim meminta penjelasan berkaitan nota 20 (belanja mesyuarat) menunjukkan peningkatan RM 19,472.90 berbanding tahun 2014 hanya RM 1,671.30. Bendahari menjelaskan mesyuarat AGM diadakan dua kali pada 2015 iaitu 30.03.2015 dan 12.06.2015. Manakala tahun 2014 tiada mesyuarat AGM dilaksanakan.
- 7.5 Pn. Rosmaria Hani Maarof mohon penjelasan AGM tiada dilaksanakan pada tahun 2014. Setiausaha memaklumkan ketiadaan AGM pada tahun tersebut kerana dokumentasi sistem eROSES di Registry of Society (ROS) belum dikemaskini.
- 7.6 Merujuk nota 5.3 berkaitan Sipiutang, Pn. Rosmaria Hani Maarof mengesyorkan Persatuan menjelaskan bayaran segera kepada Persatuan Kebajikan MBPJ (TNEC). Persatuan mengambil maklum perkara tersebut.
- 7.7 En. Mohd Fauzi Hj. Ismail mengajukan soalan berhubung tindakan yang diambil oleh Persatuan terhadap nota 3.3 iaitu Green Network Resources bernilai RM 27,050.00. Setiausaha menjelaskan ia merupakan kiosk perniagaan di Bukit Bintang dan surat telah dikeluarkan untuk tuntutan hutang. En. Zaini Sulaiman

mencadangkan Persatuan mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat tuntutan dan sekiranya tiada maklumbalas, cadangan kepada ahli untuk pelupusan tahun hadapan.

- 7.8 En. Zaini Sulaiman menyarankan semakan dengan Registry of Society (ROS) sama ada pemeriksa kira-kira boleh seorang saja memandangkan Cik Ayunie Malkan telah berhenti daripada Yayasan. Setiausaha menjelaskan Pemeriksa kira-kira dilantik adalah dua orang merujuk Perlembagaan Persatuan.
- 7.9 Selain itu, beliau mencadangkan pihak Persatuan menambahbaik sewaan Padang di Asrama AYSKL untuk menjana pendapatan Persatuan. Biro Ekonomi memaklumkan pihak Persatuan ada berbincang dengan pengawal keselamatan AYSKL untuk mendapat sewaan padang dan penambahbaikan diambil dengan pengeluaran resit untuk bayaran secara tunai.
- 7.10 En. Mahadi Mhd Tahil mohon pencerahan berhubung nota 9 caj perkhidmatan atas pinjaman 4% atau 8%. Bendahari memaklumkan caj perkhidmatan 4% adalah untuk pinjaman RM 500.00 sebelum dan selepas Hari Raya. Manakala caj perkhidmatan 8% adalah untuk pinjaman peribadi RM 2,000.00.
- 7.11 Mesyuarat menerima dan mengesahkan Laporan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2015 selepas dicadangkan oleh En. Zaini Sulaiman dan disokong oleh Cik Noorenor Shahromniza.

## 8.0 MEMBENTANG DAN MEMBAHASKAN USUL

### 8.1 Pn. Sabariah Abdul dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar :-

- a) Mencadangkan kekosongan jawatan Yang Dipertua (YDP) diisi kekosongan oleh Naib Yang Dipertua (NYDP) iaitu Pn. Nilawati bt. Sairan.  
**Keputusan** : Mesyuarat bersetuju perkara ini dibincangkan dalam hal-hal lain.
- b) Cadangan ahli yang berhenti perkhidmatan tidak kurang 10 tahun tempoh perkhidmatan diberi saguhati oleh Persatuan sebanyak RM 500.00.  
**Keputusan** : Mesyuarat bersetuju usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.
- c) Saguhati kelahiran cahaya mata dinaikkan RM 200.00 kepada RM 300.00.  
**Keputusan** : Mesyuarat bersetuju usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.

### 8.2 Pn. Norfazura Jafri dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar :-

- a) Mengusulkan ahli yang tidak pergi ke sukan PESAYA mendapat track suit sama seperti peserta PESAYA.  
**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara menyarankan usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.
- b) Kakitangan yang berhenti / tamat kontrak / bersara diraikan dalam Majlis Farewell atau diberi surat penghargaan.  
**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.

- c) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk ahli Persatuan diraikan diluar premis Yayasan seperti hotel/IACC/SACC Mall.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.

- d) Sumbangan Perkahwinan dinaikan daripada RM 350.00 kepada RM 500.00.

**Keputusan** : Mesyuarat cadangkan usul dibahaskan. Semua ahli bersetuju untuk mengadakan undian. Bersetuju sumbangan dinaikkan 13 undi dan tidak bersetuju sumbangan dinaikkan 26 undi.

Mesyuarat memutuskan usul ditolak dan tidak bersetuju dengan kenaikan sumbangan perkahwinan daripada RM 350.00 kepada RM 500.00.

- e) Persatuan membeli hartanah dengan kos dibawah RM 250,000.00.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir mengkaji semula usul ini memandangkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan memerlukan pemantauan yang sistematik.

### **8.3 Pn. Rohani Mohamed Hashim dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar**

- a) Mengusulkan sumbangan persaraan dinaikkan daripada RM 1,000.00 kepada RM 1,500.00.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir mengkaji secara terperinci kerana melibatkan banyak faktor seperti tempoh masa perkhidmatan dan aliran tunai persatuan.

### **8.4 Pn. Anisuriani Abd Rahim dari Bahagian Pengurusan Harta :-**

- a) Mengusulkan majlis Farewell diadakan untuk kakitangan yang berhenti / bersara wajib.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.

- b) Program Hari Keluarga (Family Day) diadakan di luar premis Yayasan Selangor.

**Keputusan** : Pengerusi memaklumkan Program Hari Keluarga terdapat dalam takwim tahunan Persatuan dan cadangan tarikh untuk dilaksanakan pada Disember 2016.

### **8.5 Mohamad Fauzi Haji Ismail dari Bahagian Pembiayaan Pendidikan :-**

- a) Mengusulkan Persatuan dinaik taraf kepada Kesatuan Sekerja untuk menjadi platform ahli menyuarakan pendapat dan hak – hak ahli Persatuan.

**Keputusan** : Mesyuarat menyarankan usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir dan menjalankan semakan dengan CUEPACS.

### **8.6 Norlinda Nasruddin dari Unit Audit Dalam :-**

- a) Mengusulkan ahli yang mengerjakan ibadah haji diberi 2 pasang kain ihram (lelaki) atau 2 pasang telekung (perempuan) atau RM 200.00 tunai untuk belanja perjalanan mengerjakan haji.

**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul di atas.

#### 8.7 Muhammad Nur Wafi Badrudin dari AYSSB :-

- a) Mengusulkan untuk pencapaian keputusan peperiksaan STAM anak yang cemerlang mendapat sumbangan RM 250.00 tunai.

**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul di atas.

### 9.0 HAL-HAL LAIN

#### 9.1 Pemilihan Jawatankuasa Pentadbir PKSKKYS Sesi 2015-2017

Mesyuarat mengambil maklum terdapat kekosongan bagi jawatan Yang Dipertua dan Pemeriksa Kira-Kira PKSKKYS Sesi 2015-2017. Puan Sabariah Abdul selaku Pengerusi Jawatankuasa Sementara mengumumkan keputusan pemilihan seperti berikut :-

Bil	Nama Calon	Jawatan	Jumlah Undi
1.	Abdul Halim Abdul Hafiz	Yang Dipertua	34 (Pemenang)
2.	Wan Ruseli Bin Wan Yacob	Yang Dipertua	16

Bil	Nama Calon	Jawatan	Jumlah Undi
1.	Rumizah Bt Ramin	Pemeriksa Kira-Kira	Menang Tanpa Bertanding

Puan Siti Nur Azzura Bt Hamdan Abdul Khalek mengemukakan cadangan calon yang kedua dalam pemilihan Yang Dipertua iaitu En. Wan Ruseli Bin Wan Yacob dilantik sebagai ajk Persatuan. Mesyuarat mengesyorkan cadangan ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.

#### 9.2 Pindaan Garis Panduan Syarat Pinjaman Kewangan dan Sumbangan Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor

Setiausaha memaklumkan Garis Panduan Syarat Pinjaman dan Sumbangan PKSKKYS (Pindaan 08 Julai 2008) yang digunapakai perlu dikemaskini untuk memenuhi keperluan Sistem eROSES di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (Registry of Societies) dan paparan di laman web Persatuan.

**Keputusan** : ahli mesyuarat bersetuju dengan Pindaan Garis Panduan Syarat Pinjaman dan Sumbangan PKSKKYS (Pindaan 01 April 2016).

#### 9.3 Program Sukan PESAYA 2016 di Kota Kinabalu Sabah

Pengerusi memaklumkan Program Sukan PESAYA kali ke 12 akan diadakan di Kota Kinabalu Sabah pada 11 – 18 November 2016 dengan kos keseluruhan RM 72,950.00. Cadangan Persatuan menampung sebahagian kos RM 40,000.00 dan baki RM 32,950.00 mohon tajaan pembekal / kontraktor Yayasan.

**Keputusan** : Mesyuarat tidak bersetuju untuk menampung kos RM 40,000.00 untuk program PESAYA 2016.

## **10.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

- 10.1 NYDP mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan memberi komitmen sepenuhnya dan menyarankan ahli persatuan bersama-sama melibatkan diri dalam program kebajikan, sukan, dan sebagainya dan tali siraturahim dapat dieratkan sesama ahli persatuan.
- 10.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan bacaan surah Al-Asr dan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

**NORLINDA BINTI NASRUDDIN**  
Setiausaha PKSKKYS Sesi 2015-2017

**NILAWATI SAIRAN**  
Naib Yang Dipertua PKSKKYS Sesi 2015-2017

# LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN PKSKKYS TAHUN 2016



## 1.0 KEDUDUKAN AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN

1.1 Mesyuarat AGM Kali Ke 29 pada 01 April 2016 telah membuat pemilihan untuk menggantikan Tuan Haji Barudin Yusof (Yang Dipertua) dan Cik Ayunnie Malkan (Pemeriksa Kira-kira) Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor yang telah meletak jawatan (menamatkan perkhidmatan di Yayasan Selangor) pada tahun 2015.

1.2 En. Abdul Halim Abdul Hafiz telah dilantik sebagai Yang Dipertua dan Puan Rumizah Ramin telah dilantik sebagai Pemeriksa Kira-kira yang baru pada Mesyuarat AGM 29.

1.3 Senarai Ahli Jawatankuasa PKSKKYS 2015-2017 adalah seperti berikut :-

Yang Dipertua	-	En. Abdul Halim Abdul Hafiz
Naib Yang Dipertua	-	Pn. Nilawati Sairan
Setiausaha	-	Pn. Norlinda Nasruddin
Penolong Setiausaha	-	Pn. Sabariah Abdul
Bendahari	-	Pn. Nora Azlina Abd Razak
Ahli Jawatankuasa	-	En. Muhamad Nazri Mustapa (Ketua Biro Sukan)
	-	En. Khairuman Abu Yamin (Ketua Biro Pelancongan & Akademik)
	-	En. Zamzuri Ja'afar (Ketua Biro Ekonomi)
	-	En. Syaifuddin Mohamed Razif (Ketua Biro Dokumentasi & Media)
	-	En. Muhammad Nur Waafi Badrudin (Ketua Biro Agama)
	-	En. Zaidi Jaafar (Ketua Biro Kebajikan)
	-	Pn. Nurul Ain Muzammil (Ketua Biro Hal Ehwal Wanita)
Pemeriksa Kira-Kira	-	Pn. Rumizah Ramin
	-	Pn. Qhairawani Asyrani Ruslan

## 2.0 REKOD KEHADIRAN MESYUARAT

Bil	Nama	2016				2017		22/3	Jumlah
		14/4	3/5	17/6	23/9	7/2	8/3		
1.	En. Abdul Halim Abdul Hafiz	/	/	/	/	/	/	/	7/7
2.	Pn. Nilawati Sairan	/	/	/	/	/	/	/	7/7
3.	Pn. Norlinda Nasruddin	/	/	/	/	/	/	/	7/7
4.	Pn. Sabariah Abdul	X	X	/	/	/	X	/	4/7
5.	Pn. Nora Azlina Abd Razak	/	/	/	/	/	/	/	7/7
6.	En. Muhamad Nazri Mustapa	/	/	X	/	/	/	/	6/7
7.	En. Zamzuri Ja'afar	/	/	/	/	/	/	/	7/7
8.	En. Khairuman Abu Yamin	/	X	/	/	/	/	/	6/7
9.	En. Syaifuddin Mohamed Razif	/	/	/	/	/	/	/	7/7
10.	En. Muhammad Nur Waafi Badrudin	/	/	/	/	/	/	/	7/7
11.	En. Zaidi Jaafar	/	/	/	/	/	/	/	7/7
12.	Pn. Nurul Ain Muzammil	/	/	/	/	/	/	/	7/7

### 3.0 LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR 2016

#### 3.1 BIRO KEBAJIKAN

##### 3.1.1 LAWATAN DAN ZIARAH SILATURRAHIM AHLI

Biro Kebajikan dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan ada mengadakan lawatan atau ziarah ahli-ahli persatuan yang didapati uzur, sakit, kematian, perkahwinan dan kelahiran cahayamata untuk menunjukkan solidariti dan keprihatinan kepada setiap ahli. Sepanjang tahun 2016 berikut adalah aktiviti lawatan ziarah ahli yang dijalankan :-

BIL.	AKTIVITI LAWATAN / ZIARAH SILATURRAHIM
1.	Ketua Biro Kebajikan dan Biro Sukan meraikan Majlis Perkahwinan Pn. Haslina Hashim di Telok Intan, Perak pada 31 Mac 2016.
2.	Yang Dipertua, AJK dan ahli menjalankan lawatan dan ziarah ke atas 35 orang anak-anak yatim dan miskin daerah Sabak Bernam (PAYSA) pada 14 Mei 2016.
3.	Ketua Biro Kebajikan dan lain-lain AJK menziarahi Pn. Nur Shahila Mohd Shahibi di atas keputungan suami beliau ke rahmatullah.
4.	Ketua Biro Kebajikan dan lain-lain AJK meraikan Majlis Perkahwinan Pn. Nor Azrina Abd Aziz di Sungai Besar, Selangor pada 01 Oktober 2016.
5.	Ketua Biro Kebajikan dan Biro Sukan menziarahi Pn. Haslina Hashim di atas keputungan ibu beliau ke rahmatullah pada 25 November 2016.
6.	Ketua Biro Kebajikan dan lain-lain AJK menziarahi pengebumian Allahyarham Haszandi Haron di atas keputungan beliau ke rahmatullah pada 06 Disember 2016.
7.	Ketua Biro Dokumentasi dan Media melawat Mohd Fariz Abd Aziz yang diwadkan Hospital Pantai, Ampang pada 29 Disember 2016 akibat 'Sinus infection'.
8.	Ketua Biro Kebajikan dan Biro Sukan menziarahi Pn. Marsitah Yuswan di atas keputungan bapa beliau ke rahmatullah pada 12 Januari 2017.
9.	Ketua Biro Sukan menziarahi Pn. Noor Faizah Binti Kamaruddin di atas keputungan ayah beliau ke rahmatullah pada 22 Januari 2017.
10.	Setiausaha menziarahi anak En. Zainudin Misran yang diwadkan di hospital Ampang pada 24 Februari 2017 kerana sakit 'Kawasaki Disease'.
11.	Ketua Biro Hal Ehwal Wanita menghadiri kenduri kahwin anak Pn. Ulfah Md Noor di Tanjong Karang, Selangor pada 04 Mac 2017.

### **3.1.2 PROGRAM SENTUHAN KASIH - PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN PARIT 4 SEKINCHAN, SABAK BERNAM (PAYSA)**

Program '**Sentuhan Kasih**' merupakan aktiviti bermanfaat dan berfaedah persatuan terhadap tanggungjawab korporat (Corporate Social Responsibility) kepada komuniti setempat dan paling penting dapat berinteraksi dengan masyarakat dan membantu golongan yang memerlukan bantuan. Program ini juga dapat memupuk semangat sukarela, membantu mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan serta memberi motivasi kepada anak-anak yatim & miskin bahawa masih ada orang yang mengambil berat tentang diri mereka.

Program ini mendapat sambutan dan sokongan penuh ahli persatuan dengan penyertaan 78 ahli dan 35 orang anak-anak PAYSA. Program ini dirasmikan oleh Puan Zahura Zakry, Pengurus Kanan Yayasan dengan simbolik perasmian, acara penanaman anak pokok mangga '**Sentuhan Kasih**' bersama Puan Fadilah Haji Sirat, Pengetua PAYSA dan Yang Dipertua Persatuan, En. Abdul Halim Abdul Hafiz. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah gotong royong membersihkan penempatan anak-anak PAYSA, solat zohor berjemaah, tazkirah pendek, cabutan bertuah dan slot beramah mesra bersama anak-anak PAYSA. Program yang telah dijalankan pada 14 Mei 2016 ini berjaya mencapai matlamat untuk menyantuni anak-anak yatim & miskin melalui sumbangan tenaga, wang ringgit dan barangan bagi meringankan sedikit beban di samping berpengalaman merasai sendiri suasana yang ada serta dapat mengeratkan silaturrahim di antara ahli persatuan dan anak-anak yatim dan miskin yang terlibat.

Terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli yang banyak memberi sumbangan tenaga, wang ringgit, barangan dan lain-lain. Semoga apa yang dilakukan menjadi bekalan di akhirat kelak dan segalanya diterima Allah SWT hendaknya.

## **3.2 BIRO AGAMA**

### **3.2.1 BENGKEL SMART SOLAT**

Pada 31 Mei 2016, Biro Agama dengan kerjasama Naib Setiausaha Persatuan Kebajikan Sukan, Kebudayaan dan Kakitangan Yayasan Selangor telah mengadakan satu program **Bengkel Smart Solat** dengan sasaran utama adalah anak-anak ahli. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi manfaat, pemantapan rohani dan jati diri anak-anak ahli dengan memberi pendedahan kepada peserta tentang cara solat yang betul berdasarkan rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan, peserta dapat melaksanakan kesempurnaan solat mereka secara praktikal & bacaan dalam solat dengan betul dan lancar serta dapat menanam sikap tanggungjawab untuk melaksanakan solat fardhu sebagai ibadat yang wajib dalam kehidupan seharian.

Bengkel smart solat ini melibatkan 80 peserta yang terdiri daripada anak-anak ahli dan 10 orang fasilitator yang terlatih dalam bidang syariah dan feqah. Di antara slot atau pendekatan yang diambil di dalam program ini adalah seperti berikut :-

- i. Tahsin bacaan solat / solat dhuha
- ii. Wuduk, azan dan iqamat
- iii. Amali solat
- iv. Keistimewaan & kelebihan ibadah solat
- v. Isu –isu berkaitan solat

Secara umumnya, bengkel ini menarik minat ahli-ahli untuk menghantar anak-anak mereka memahami ibadah solat sebenar (*real solat*) dan seterusnya menjadikannya lebih sempurna. Disarankan bengkel ini menjadi program tahunan persatuan kerana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli Persatuan.

### **3.2.2 PROGRAM IHYA' RAMADHAN DAN SUMBANGAN SEMPERA RAMADHAN DAN HARI RAYA IDULFITRI**

Bersempena program **Ihya' Ramadhan** anjuran Bahagian Komunikasi Korporat, Pihak Persatuan telah berbesar hati memberi sumbangan kurma 'Yusuf Taiyob', shawl (ahli wanita), butang baju melayu (ahli lelaki) dan duit raya bernilai RM 50.00 kepada setiap ahli. Ahli-ahli turut mengimarahkan bulan ramadhan dengan menyertai program tadarus. Majlis Khatam Quran, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih turut diadakan pada 29 Jun 2016. Selain itu, persatuan turut menyumbang sate dan 'cocktail' di Majlis Sambutan Idulfitri Yayasan Selangor pada 12 Julai 2016.

### **3.2.3 CERAMAH PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HARTA MENURUT ISLAM**

Biro Agama dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia, Yayasan Selangor telah mengadakan **Ceramah Perancangan dan Pengurusan Harta** Menurut Islam pada 28 Ogos 2015 di Menara Yayasan Selangor. Ceramah disampaikan oleh Encik Sallehudin Ariff, Ketua Usahawanan Wasiyyah Shopper Sdn Bhd dari Unit Dakwah & Perancangan Harta Pusaka Syariah. Objektif utama ceramah ini dapat memberi pendedahan kepada ahli dan warga kerja Yayasan Selangor berhubung isu pengurusan dan perancangan harta pusaka orang islam, memberikan infomasi berkaitan proses yang perlu dilalui oleh waris untuk membuat tuntutan harta pusaka orang islam yang telah meninggal dunia, membetulkan salah faham masyarakat berkaitan ilmu faraid, dokumen wasiat dan hibah sebagai instumen terbaik pemberian harta serta perkongsian isu semasa dan punca utama yang menyebabkan harta pusaka tidak dapat dituntut oleh waris di sesi soal jawab.

### **3.2.4 KELAS MENGAJI AL QURAN DAN TAJWID**

Persatuan masih menjalankan kelas mengaji Al Quran dan Tajwid kepada ahli yang berminat. Kelas ini diadakan pada hari Jumaat jam 12.00 – 2.30 tengahari. Perbelanjaan bayaran ini ditampung sebahagian oleh persatuan dan ahli yang terlibat.

### **3.3 BIRO PELANCONGAN DAN AKADEMIK**

#### **3.3.1 PROGRAM PERCUTIAN DAN LAWATAN MUHIBAH KE BANDUNG, INDONESIA**

Biro Pelancongan Persatuan Kebajikan Sukan & Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor telah menganjurkan program percutian dan lawatan ke **Bandung, Indonesia** pada 09 – 12 Disember 2016. Objektif program bertujuan untuk memberi peluang kepada setiap ahli yang turut serta untuk mengenali dan meneroka budaya setempat selain mengembangkan minda untuk melihat keunikan negara luar terutama negara jiran Malaysia iaitu Indonesia.

Persatuan telah menggunakan perkhidmatan agen pelancongan May Flower Sdn. Bhd. dengan tawaran pakej harga yang munasabah dan berpatutan untuk melancarkan program yang telah diatur selain dibantu oleh 2 AJK Persatuan iaitu Pn. Sabariah Abdul dan En. Khairuman Abu Yamin sebagai juruiring. Seramai 29 peserta telah menyertai lawatan ini yang terdiri daripada 20 orang ahli dan 9 orang peserta di kalangan keluarga ahli PKSCKYS.

Pelbagai tempat menarik telah dilawati seperti tempat pembuatan barangan kulit terkenal di Cibaduyut, pusat membeli belah di Pasar Baru, *Factory Outlet* di Jalan Riau, kawasan tarikan pelancong Taman Sari Kota Bandung dan Tanah Tinggi Gunung Tangkuban Perahu. Pelbagai tempat menarik telah dilawati sepanjang 4 hari 3 malam seperti berikut :-

##### **Lawatan Hari Pertama :**

Tempat pembuatan barangan kulit terkenal di Cibaduyut, Bandung. Ahli rombongan dapat melihat sepanjang jalan Cibaduyut, Bandung mempunyai beratus-ratus tukang kasut dan sandal yang merata di daerah tersebut dengan menawarkan harga barangan kulit yang murah dan berpatutan. Keunikan daerah ini menjadikan Cibaduyut tempat pelancongan yang sesuai bagi yang gemar membeli belah. Seterusnya ahli rombongan dibawa menjamu selera di Rumah Makan Singgahsana untuk menikmati menu utama masakan padang seperti sambal ijo, daging dendeng, kentang belado dan sebagainya.

##### **Lawatan Hari Kedua :**

Pada hari kedua, ahli rombongan dibawa ke Tanah Tinggi Gunung Tangkuban Perahu untuk menyaksikan lanskap alam iaitu kawah akibat letusan gunung berapi dan pohon yang tumbuh di sekitarnya.

Seterusnya ahli rombongan meneruskan perjalanan ke *Factory Outlet* di Jalan Riau dan kawasan tarikan pelancong Taman Sari Kota Bandung. Seterusnya ahli rombongan dibawa menjamu selera di 'Captain Seafood' yang menyajikan makanan laut seperti tomyam, ayam keluyuk, tempe tepung dan sebagainya.

#### **Lawatan Hari Ketiga :**

Lawatan Hari ke-3 diteruskan ke gedung beli belah Pasar Baru untuk membeli barangan harga murah seperti kain batik, sutera, beg, tudung, kain sarong dan lain-lain. Seterusnya ahli rombongan dibawa melawat ke Rumah Kek Kartika Sari. Pelbagai jenis kek boleh dibeli di sini seperti kek lapis, 'brownies', Kartika Sari dan Amanda. Seterusnya, ahli rombongan dibawa menjamu selera di Saung Balibu yang menyediakan makanan suku Sunda dan makan malam di Restoran Kampung Daun dengan menu utama masakan fusion.

Lawatan ini mendapat sambutan baik daripada ahli dan disyorkan untuk menjadi program tahunan persatuan.

### **3.3.2 PEMBERIAN SUMBANGAN BUKU LATIH TUBI ANAK WARGAKERJA**

PKSKKYS berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan **buku latih tubi** bagi anak-anak wargakerja yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM setiap tahun. Pada tahun ini, sumbangan akan disampaikan dalam Mesyuarat Agung PKSKKYS yang akan diadakan pada 28 Mac 2017.

Bagi tahun 2017, seramai 19 orang anak wargakerja akan menerima buku sumbangan latih tubi UPSR, 22 orang untuk buku latih tubi PT3 dan 12 orang untuk buku latih tubi SPM. Dengan pemberian sumbangan buku latih tubi ini, diharap anak-anak ahli menunjukkan peningkatan dan berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

## **3.4 BIRO SUKAN DAN EKONOMI**

### **3.4.1 SUKAN PESAYA KE-12 DI KOTA KINABALU, SABAH**

Pesta Sukan antara Yayasan Semalaysia (PESAYA) merupakan program dwitahunan yang mengumpulkan atlit-atlit dari Yayasan Seluruh Malaysia untuk mempertahankan gelaran Johan dalam pelbagai disiplin permainan seperti bola sepak, sepak takraw, badminton, karom, futsal dan lain-lain. Bagi menghadapi PESAYA ke 12, Biro Sukan dan Biro Ekonomi telah mengadakan beberapa program bagi mencari bakat baru yang boleh diketengahkan dalam kejohanan berkenaan. Di antara program yang telah di jalankan adalah Pertandingan Bowling, Perlawanan Persahabatan Futsal & Bolasepak dan latihan pesat bagi ahli yang berhasrat terpilih ke PESAYA mulai Mac hingga Oktober 2016.

Ahli-ahli PKSKKYS yang telah menjalani latihan menghadapi proses pemilihan akhir pada bulan Ogos 2016. Seramai 33 peserta berjaya dipilih untuk mewakili Yayasan Selangor pada **Sukan PESAYA ke-12** di Kota Kinabalu, Sabah yang mana program berlangsung selama seminggu bermula 10 sehingga 19 November 2016. Berikut adalah keputusan acara yang dipertandingkan :-

Bil	Tarikh	Program	Tempat	Keputusan Perlawanan
1.	10 – 19 November 2016	PERTANDINGAN PESAYA, Kota Kinabalu, SABAH	PUSAT SUKAN YAYASAN SABAH	Keputusan Perlawanan PESAYA adalah seperti berikut :-  1. Bola Sepak -(Peringkat Kumpulan) 2. Futsal -(Peringkat Kumpulan) 3. Futsal Veteran -(Tempat ke 4) 4. Badminton -(Suku Akhir) 5. Ping Pong -(Suku Akhir) 6. Bola Jaring -(Peringkat Kumpulan) 7. Bola Tampar (W) -(Peringkat Kumpulan)

### 3.4.2 YS 46<sup>th</sup> ANNIVERSARY BOWLING CHALLENGE

Bertempat di Ampang Superbowl Malaysia @ Subang USJ, The Summit Mall, Persatuan telah menganjurkan Pertandingan Bowling – “**YS 46<sup>th</sup> Anniversary Challenge**” pada 27 Mei 2016 untuk melihat pelbagai aksi dan kehebatan ahlinya. Penyertaan kali ini melibatkan 100 penyertaan mewakili setiap bahagian / unit. Kategori yang dipertandingkan adalah Bowling individu lelaki, perempuan serta berpasukan. Matlamat dan tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan ahli yang jarang dapat berkumpul di dalam satu majlis, mencungkil bakat-bakat baru dan dapat membentuk semangat berpasukan. Keputusan pemenang bagi pertandingan bowling ini adalah seperti berikut :-

Juara Individu (Lelaki)	:	En. Mohd Ali Bin Ithnin
Juara Individu (Wanita)	:	Pn. Nora Azlina Binti Abdul Razak
Juara Berpasukan	:	<b>Team Pengurusan Harta</b> En. Mohd Ali Ithnin En. Anuar Salleh Cik Anisuriani Abd Rahim Pn. Marwiyah Saibani



### 3.4.3 PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLASEPAK / FUTSAL

Biro Sukan telah merancang perlawanan persahabatan di antara **Yayasan Selangor menentang pasukan Menteri Besar Incorporated (MBI), Kumpulan Perangsang Selangor, MBPJ, PNSB dan Yayasan Wilayah Persekutuan**. Tujuan utama perlawanan persahabatan ini untuk mengeratkan perhubungan kedua-dua pihak dan mewujudkan suasana kerja yang harmoni di antara agensi berkaitan. Berikut adalah hasil keputusan perlawanan persahabatan yang telah dijalankan.

Bil	Tarikh	Aktiviti/Program	Keputusan Perlawanan
1.	13.5.2016	Futsal YS vs MBI	YS menang 6 - 2
2.	26.5.2016	Futsal YS vs Kumpulan Perangsang Selangor	YS kalah 3 - 9
3.	19.08.2016	Futsal YS vs MBPJ	YS kalah 3 - 5
4.	25.10.2016	Futsal YS vs Yayasan Wilayah Persekutuan	YS menang 7 - 4
5.	23.09.2016	Bolasepak YS vs PNSB	YS kalah 0 - 2

### 3.4.4 AKTIVITI RIADAH BADMINTON

Biro Sukan telah menganjurkan aktiviti riadah (badminton) bagi tahun 2016. Aktiviti ini diadakan pada setiap hari rabu selepas waktu kerja bertempat di The Challenger, Seksyen 14, Petaling Jaya. Aktiviti riadah ini dapat meningkatkan stamina dan kekuatan fizikal ahli persatuan setelah penat bekerja seharian.

### 3.4.5 JUALAN SABUN BIOSINAR DAN SEWAAN PADANG

Persatuan melalui Biro Ekonomi menjana pendapatan melalui penjualan sabun Biosinar dan sewaan padang di tapak Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur. Pada tahun 2016, Persatuan berjaya mengutip sewaan padang berjumlah RM 5,130.00.

## 3.5 BIRO HAL EHWAL WANITA

### 3.5.1 EKSPLO DAN PAMERAN MAHA 2016

Biro Hal Ehwat Wanita telah mengadakan program lawatan ke **Ekspo dan Pameran MAHA 2016** pada 7 Disember 2016 (Rabu) beserta 16 orang ahli di setiap bahagian / unit di Yayasan Selangor. Pameran MAHA 2016 yang berlangsung di Tapak Expo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang Selangor bermula 01-11 Disember 2016 telah memfokuskan kepada pelancongan tani,

perdagangan dan gaya hidup agro serta inovasi teknologi terkini. Pameran MAHA 2016 juga menampilkan 1,500 gerai pameran meliputi agensi tempatan dan swasta serta penyertaan luar negara. Di antara tarikan utama MAHA 2016 adalah pelancaran produk asas tani, persembahan kebudayaan dan agro bazar & demonstrasi makanan.

### **3.5.2 PROGRAM DEMO MASAKAN SIHAT TANPA KOLESTROL**

Purata pengambilan kolestrol dalam makanan harian di kalangan masyarakat Malaysia adalah tinggi dan membimbangkan, terutama di kalangan kaum wanita. Justeru itu, Biro Wanita telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program “**Demo masakan sihat tanpa kolestrol**” pada 17 Mac 2017. Dengan adanya program ini dapat memberi serba sedikit pengetahuan dan kaedah-kaedah untuk membantu mengurangkan kolestrol dalam makanan harian serta meningkatkan kualiti kesihatan kita. Program ini menyediakan beberapa menu masakan sebenar tanpa minyak seperti ikan siakap stim, ‘kaya ball’, roti jala dan kuih cara manis untuk dirasai oleh ahli-ahli wanita yang hadir.

## **3.6 BIRO DOKUMENTASI DAN MEDIA**

### **3.6.1 PELANCARAN LAMAN WEB RASMI PKSCKYS**

Pelancaran **Laman Web Rasmi Persatuan** telah diadakan pada 06 Mei 2016 dan dirasmikan oleh Pengurus Kanan Yayasan Selangor, Puan Zahura Zakry. Laman web ini dibangunkan sebagai salah satu medium perhubungan di antara ahli untuk mendapatkan pelbagai maklumat berhubung Persatuan seperti takwim tahunan, perlembagaan & undang-undang persatuan, garis panduan & syarat sumbangan, program atau aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun, berita semasa persatuan, jualan produk Biosinar dan sewaan padang. Selain itu, ahli juga boleh mendapatkan borang-borang berkaitan Persatuan seperti permohonan sumbangan dan permohonan pinjaman secara ‘online’. Laman web ini dibina dengan gaya dan reka bentuk yang lebih baik dan dapat menyampaikan maklumat yang ada mengikut keperluan semasa selaras untuk kemudahan semua ahli. Sehubungan itu, sebarang informasi, maklumbalas atau cadangan penambahbaikan boleh merujuk laman web persatuan di [www.pskkys.com](http://www.pskkys.com).

### **3.6.2 REKAAN GRAFIK PROGRAM DAN AKTIVITI BIRO-BIRO**

Biro Dokumentasi dan Media juga menyediakan rekaan grafik program atau aktiviti bagi setiap Biro seperti Program Sentuhan Kasih, Hari PKSCKYS Se-Yayasan, PESAYA, YS 46<sup>th</sup> Anniversary Bowling Challenge, Iftar Ramadan, Sukan PESAYA, Bengkel Smart Solat, sewaan bowling, jualan biosinar dan lain-lain. Rekaan grafik yang lengkap tentang aktiviti dan program persatuan boleh dilihat di laman web Persatuan.

USUL – USUL AHLI  
PKSKKYS

## **USUL – USUL AHLI PKSCKYS**

### **1.0 En. Mohd Ali Bin Ithnin**

- Usul Pertama : Cadangan pembelian tanah untuk dijual secara pecahan lot kepada ahli atau dibuka kepada awam.
- Usul Kedua : Membuka kedai atau restoran di atas premis Yayasan Selangor dengan kadar sewa khas (special rate).
- Usul Ketiga : Membekal barang-barang cenderamata kepada Yayasan Selangor untuk program-program pendidikan / korporat.

### **2.0 Cik Juliana Binti Mat Nasir**

- Usul Pertama : Persatuan mengadakan rombongan umrah untuk ahli-ahlinya yang berminat dengan kaedah potongan gaji 20 bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci Mekah.
- Usul Kedua : Elaun kehadiran Mesyuarat AGM dinaikkan daripada RM 30.00 kepada RM 50.00 sesuai dengan keadaan semasa.
- Usul Ketiga : Mengadakan Hari Keluarga di Sunway Lagoon.

### **3.0 Pn. Marwiyah Saibani**

- Usul Pertama : Mewujudkan sebuah koperasi Persatuan untuk memberi keuntungan kepada ahli yang berminat.
- Usul Kedua : Persatuan membeli servis apartmen dimana-mana lokasi percutian untuk disewakan kepada ahli dan orang awam.
- Usul Ketiga : Persatuan mempamerkan kemudahan & sumbangan di notis board persatuan untuk rujukan semua ahli dari semasa ke semasa.

### **4.0 Zainal Abidin Warlan**

- Usul Pertama : Elaun kehadiran Mesyuarat AGM dinaikkan daripada RM 30.00 kepada RM 50.00 sesuai dengan kenaikan harga barang / minyak.

### **5.0 Mohd Badri Hassan Bosri**

- Usul Pertama : Mengadakan gym dengan pihak Persatuan membeli peralatan gym secara ansuran dengan mengenakan yuran bulanan yang munasabah kepada setiap ahli.

## **6.0 En. Azmi Ahmad**

Usul Pertama : Cadangan pihak Persatuan dapat memikirkan bagaimana untuk menambah wang tabung persatuan supaya program dan aktiviti dapat dijalankan diluar kotak pemikiran yang sedia ada. Transformasikan minda kearah pemikiran kreatif.

## MAKLUMBALAS USUL TERDAHULU - MESYUARAT AGM KALI KE 29

### 1.0 MEMBENTANG DAN MEMBAHASKAN USUL

#### 1.1 Pn. Sabariah Abdul dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar :-

- a) Mencadangkan kekosongan jawatan Yang Dipertua (YDP) diisi kekosongan oleh Naib Yang Dipertua (NYDP) iaitu Pn. Nilawati bt. Sairan.  
**Keputusan** : Mesyuarat bersetuju perkara ini dibincangkan dalam hal-hal lain.  
**(Perlantikan En. Abdul Halim Abd Hafiz oleh Ahli Persatuan)**
- b) Cadangan ahli yang berhenti perkhidmatan tidak kurang 10 tahun tempoh perkhidmatan diberi saguhati oleh Persatuan sebanyak RM 500.00. **Keputusan** : Mesyuarat bersetuju usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.  
**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir bersetuju dan telah efektif berkuatkuasa pada 01April 2016.)**
- c) Saguhati kelahiran cahaya mata dinaikkan RM 200.00 kepada RM 300.00.  
**Keputusan** : Mesyuarat bersetuju usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.  
**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir mengekalkan dengan kadar RM200.00)**

#### 1.2 Pn. Norfazura Jafri dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar :-

- a) Mengusulkan ahli yang tidak pergi ke sukan PESAYA mendapat track suit sama seperti peserta PESAYA.  
**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara menyarankan usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir.  
**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir mendapati kos pembelian tracksuit (PESAYA) melibatkan kos yang tinggi. Mesyuarat bersetuju memutuskan pembelian baju T kepada setiap ahli dengan kos +- RM 5k.)**
- b) Kakitangan yang berhenti / tamat kontrak / bersara diraikan dalam Majlis Farewell atau diberi surat penghargaan.  
**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.  
**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir telah memanjangkan didalam Mesyuarat Pengurusan. Pihak Pengurusan mengambil maklum dan akan melaksanakan apabila kewangan Yayasan Selangor kembali stabil/kukuh).**
- c) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk ahli Persatuan diraikan diluar premis Yayasan seperti hotel/IACC/SACC Mall.  
**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.  
**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir telah memanjangkan didalam Mesyuarat Pengurusan. Pihak Pengurusan mengambil maklum dan akan melaksanakan apabila kewangan Yayasan Selangor kembali stabil/kukuh).**

- d) Sumbangan Perkahwinan dinaikan daripada RM 350.00 kepada RM 500.00.

**Keputusan** : Mesyuarat cadangkan usul dibahaskan. Semua ahli bersetuju untuk mengadakan undian. Bersetuju sumbangan dinaikkan 13 undi dan tidak bersetuju sumbangan dinaikkan 26 undi.

**(Mesyuarat memutuskan usul ditolak dan tidak bersetuju dengan kenaikan sumbangan perkahwinan daripada RM 350.00 kepada RM 500.00.)**

- e) Persatuan membeli hartanah dengan kos dibawah RM 250,000.00.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir mengkaji semula usul ini memandangkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan memerlukan pemantauan yang sistematik.

**(Hasil kajian Jawatankuasa Pentadbir mendapati pembelian hartanah :-**

- i. **Memberi impak kewangan yang tinggi apabila pembelian dibuat secara tunai ;**
- ii. **Hartanah tidak boleh dijual dalam tempoh 5 tahun (dikenakan cukai RPGT)**
- iii. **Kos Penyelenggaraan bulanan yang tinggi dan pemantauan secara sistematik akan menyukarkan ahli.)**

### 1.3 Pn. Rohani Mohamed Hashim dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar

- a) Mengusulkan sumbangan persaraan dinaikkan daripada RM 1,000.00 kepada RM 1,500.00.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir mengkaji secara terperinci kerana melibatkan banyak faktor seperti tempoh masa perkhidmatan dan aliran tunai persatuan.

**(Hasil kajian yang dibuat AJK mendapati dari sudut impak kewangan dan pendapatan, RM sumbangan saguhati persaraan dikekalkan sebanyak RM 1,000.00)**

### 1.4 Pn. Anisuriani Abd Rahim dari Bahagian Pengurusan Harta :-

- a) Mengusulkan majlis Farewell diadakan untuk kakitangan yang berhenti / bersara wajib.

**Keputusan** : Mesyuarat memutuskan Jawatankuasa Pentadbir memanjangkan usul ini kepada pihak pengurusan Yayasan Selangor.

**(Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir telah memanjangkan didalam Mesyuarat Pengurusan. Pihak Pengurusan mengambil maklum dan akan melaksanakan apabila kewangan Yayasan Selangor kembali stabil/kukuh).**

- b) Program Hari Keluarga (Family Day) diadakan di luar premis Yayasan Selangor.

**Keputusan** : Pengerusi memaklumkan Program Hari Keluarga terdapat dalam takwim tahunan Persatuan dan cadangan tarikh untuk dilaksanakan pada Disember 2016.

**Kekangan Kewangan Persatuan dan ahli kesuntukan masa disebabkan banyak program besar dilaksanakan yang melibatkan kos tinggi seperti lawatan ke Bandung dan sukan PESAYA.**

**1.5 Mohamad Fauzi Haji Ismail dari Bahagian Pembiayaan Pendidikan :-**

- a) Mengusulkan Persatuan dinaik taraf kepada Kesatuan Sekerja untuk menjadi platform ahli menyuarakan pendapat dan hak – hak ahli Persatuan.

**Keputusan** : Mesyuarat menyarankan usul ini dikaji oleh Jawatankuasa Pentadbir dan menjalankan semakan dengan CUEPACS.

**(Yayasan tidak boleh mewujudkan Kesatuan Sekerja kerana terikat dengan terma dan syarat Pengecualian cukai (exemption tax) subseksyen 44 (6), LHDN. – Yayasan menubuhkan Tabung Endowmen)**

**1.6 Norlinda Nasruddin dari Unit Audit Dalam :-**

- a) Mengusulkan ahli yang mengerjakan ibadah haji diberi 2 pasang kain ihram (lelaki) atau 2 pasang telekung (perempuan) atau RM 200.00 tunai untuk belanja perjalanan mengerjakan haji.

**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul di atas.

**(Mesyuarat bersetuju dengan cadangan)**

**1.7 Muhammad Nur Wafi Badrudin dari AYSSB :-**

- a) Mengusulkan untuk pencapaian keputusan peperiksaan STAM anak yang cemerlang mendapat sumbangan RM 250.00 tunai.

**Keputusan** : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan usul di atas.

**(Mesyuarat bersetuju dengan cadangan)**